

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN SU KEONG SIONG
KAWASAN : IPOH TIMOR

SOALAN:

YB. TUAN SU KEONG SIONG (IPOH TIMOR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek West Coast Expressway (WCE) yang akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM6 bilion. Apakah status kewangan Kumpulan Europlus Berhad (KEB) yang telah di anugerahkan kontrak untuk melaksanakan projek tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah meluluskan projek Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) melibatkan fasa pembinaan dari Taiping ke Banting sepanjang 316km. Perjanjian Konsesi Lebuh Raya Pantai Barat telah ditandatangani pada bulan Januari 2013 dan pelaksanaan projek ini dijangka akan mengambil masa selama 60 bulan untuk disiapkan. Sehingga 30 September 2014, status kemajuan projek Lebuh Raya Pantai Barat itu ialah seperti berikut:

PERAK:

Peringkat reka bentuk terperinci oleh juru perunding yang dilantik oleh pihak konsesi. Pada masa kini proses pengambilan balik tanah sedang giat dilaksanakan untuk jajaran melibatkan Hutan Melintang – Telok Intan. Kerja-kerja pembersihan tapak juga telah dimulakan di jajaran tersebut.

SELANGOR:

Peringkat reka bentuk terperinci oleh juru perunding yang dilantik oleh pihak konsesi. Proses pengambilan balik tanah sedang giat dilaksanakan di jajaran dari persimpangan Lebuhraya NKVE/Lebuhraya Persekutuan 2 (FHR 2) ke persimpangan Lebuhraya NNKSB; dan dari persimpangan Lebuhraya NNKSB ke Kapar. Kerja-kerja awalan seperti kerja ukur dan penandaan,

mengesan saluran utiliti dan siasatan tanah juga sedang dijalankan di jajaran berkenaan.

Mengenai isu status kewangan Kumpulan Europlus Berhad (KEB), maklumat tentang perkara ini terletak di bawah bidang kuasa Agensi Pusat – iaitu Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
SOALAN :**

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana seriusnya gejala denggi di negara ini dan negeri-negeri manakah yang dikenalpasti mempunyai kes tertinggi.

Tuan Yang Dipertua,

Bilangan kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2012 adalah sebanyak 21,900 kes dengan 35 kematian manakala bagi tahun 2013 sebanyak 43,346 kes dengan 92 kematian. Bagi tempoh Januari sehingga 20 September 2014 adalah sebanyak 74,335 kes dengan 143 kematian. Ianya merupakan jumlah kes dan kematian denggi tertinggi yang pernah dilaporkan dan telah melebihi jumlah kes keseluruhan tahun-tahun sebelumnya.

Bagi menangani situasi denggi di negara pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelan tindakan khas untuk pencegahan dan kawalan denggi iaitu Pelan Tindakan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014. Pelan

tindakan ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi yang di pengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan mula dilaksanakan bermula 14 Julai 2014 di tiga buah negeri yang menyumbang kes denggi tertinggi iaitu Selangor serta WP Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan dan diperluas ke Kelantan bermula 17 Ogos 2014. Pelan ini dilaksanakan dalam tempoh 2 bulan di empat buah negeri ini.

Berikut merupakan jumlah kes denggi mengikut negeri bagi tahun 2010 sehingga 2014 (sehingga 20 September)

**KES DENGGI MENGIKUT NEGERI BAGI TAHUN 2010 HINGGA 2014
(sehingga 20 September)**

NEGERI	2010		2011		2012		2013		2014 Sehingga 20 September	
	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	215	0	110	0	172	1	226	1	181	0
KEDAH	782	3	514	0	817	4	813	1	750	5
PULAU PINANG	1834	7	1579	3	791	1	1053	7	1516	5
PERAK	2288	6	1411	2	1716	5	2519	4	3997	9
SELANGOR	16367	45	7758	14	9113	12	23852	24	36570	55
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	4205	6	2038	2	1814	5	2570	8	5360	13
NEGERI SEMBILAN	1501	7	737	3	552	2	1198	1	3031	6
MELAKA	1485	12	450	0	449	0	1505	9	1931	5
JOHOR	4406	12	1583	7	1650	1	4828	24	4175	19
PAHANG	1688	5	894	1	641	1	725	2	1165	4
TERENGGANU	1472	3	675	1	739	0	600	0	947	1
KELANTAN	3578	11	743	1	1245	0	1427	2	12525	15
SARAWAK	4240	14	974	0	1519	1	1292	4	1234	3
SABAH	2091	3	402	2	672	2	724	5	942	3
WP LABUAN	19	0	16	0	10	0	14	0	11	0
MALAYSIA	46,171	134	19,884	36	21,900	35	43346	92	74,335	143